

# 3 individu termasuk pegawai kanan SSM disiasat

**Kuala Lumpur:** Tiga individu termasuk seorang pegawai kanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ditahan semalam bagi membantu siasatan berhubung sistem teknologi maklumat (IT) yang menyediakan dokumen salinan asal (CTC) dianggarkan dibangunkan dengan nilai RM30 juta.

Dua lagi yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah pengarah syarikat IT yang dipercayai diberi bertanggunjawab membangunkan sistem berkenaan.

Semua mereka yang berusia 37 hingga 52 tahun itu ditahan dalam

satu operasi di kediaman dan pejabat mereka di sekitar Lembah Klang, pada jam 11 pagi sehingga 2 petang.

Siasatan awal mendapati, pegawai kanan SSM berpangkat pentagarah itu dipercayai bersubahat dengan dua syarikat IT itu bagi untuk meluluskan perkhidmatan menyediakan CTC, tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Sumber berkata, siasatan SPRM mendapati sistem berkenaan tidak beroperasi dengan betul dan melanggar tatacara di bawah peraturan SKMM.

"Siasatan mendapati ada sistem bagi mendapatkan dokumen yang diperakui dimanipulasi pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan besar. Sistem itu menyediakan khidmat salinan asal maklumat syarikat dan boleh dibeli dengan harga RM30.

## Kesahihan dokumen diragui

"Dokumen yang disediakan sistem itu diragui kesahihannya dan pelanggan dipercayai tidak mengetahui sama ada dokumen yang disediakan itu disahkan atau tidak," katanya.

Kata sumber, dokumen yang di-

sahkan melalui sistem itu boleh menyebabkan implikasi besar kepada pelanggan kerana ia boleh dimanipulasi dalam institusi kewangan serta perundangan negara.

"Lebih membimbangkan, sistem ini digunakan secara meluas oleh agensi kerajaan khususnya agensi penguat kuasa, pihak perundangan seperti peguam dan orang awam," katanya.

Sumber SPRM berkata, pihak mereka mengesyaki masalah itu bermula sejak Januari 2017 dan apabila disiasat, agensi mendapat maklumat terdapat dakwaan rasuah dan penyalahgunaan kuasa

dalam projek SSM itu.

"Oleh demikian, SPRM berharap agar sesiapa yang mengesyaki kesahihan dokumen salinan asal (CTC) yang dibeli daripada SSM segera menghubungi pihak berkuasa," katanya.

Sebelum ini, SSM menafikan dakwaan bahawa kesahihan dokumen salinan asal (CTC) atas talian yang dibeli daripada syarikat itu diragui dan melalui satu kenyataan pada Januari lalu, BH difahamkan ketiga-tiga individu itu akan direman di Mahkamah Putrajaya hari ini bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.